

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September / Oktober 2003

**YBP 221 – PERANCANGAN DAN PENILAIAN
KEMPEM KOMUNIKASI**

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA [2]** soalan, soalan **SATU [1]** adalah wajib.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Menurut Everett M. Rogers and J. Douglas Storeys [1987], objektif dan kesan sesuatu kempen ini boleh dikonseptualisasikan berdasarkan tiga dimensi: [1] tahap matlamat kempen, [2] tahap perubahan tingkahlaku yang dikehendaki, dan [3] tahap keuntungan atau faedah yang didapati dari hasil kempen tersebut.

Dengan mengambilkira kempen yang akan anda jalankan, bincangkan ketiga-tiga dimensi ini.

2. Setiap sarjana komunikasi mempunyai definisi masing-masing mengenai kempen komunikasi. Pilih satu definisi yang diberikan oleh mana-mana satu dari sarjana-sarjana ini yang telah dibincangkan dalam kursus ini. Bincangkan elemen-elemen kempen berdasarkan definisi yang dipilih.
3. Newsom et al [2000] menyatakan bahawa aspek *educational*, *engineering*, *enforcement*, *entitlement* dan *evaluation* adalah lima elemen yang sering terdapat pada sesuatu kempen yang berjaya. Bincang elemen-elemen ini dengan memberi contoh-contoh yang anda ketahui. [Jangan gunakan contoh-contoh yang diberikan dalam bacaan].

4. Jawap 5 daripada soalan-soalan berikut dengan ringkas:

- i) Terangkan apa itu Kempen Pengembangan Strategik [SEC] dan terangkan dengan jelas sepuluh langkah-langkah perlaksanaannya.
- ii) Pfau dan Parrot [1993] menyenaraikan empat [4] elemen penting yang ada dalam mengimplementasikan kempen. Jelaskan keempat-empat elemen ini dengan memberikan contoh-contoh yang bersesuaian.
- iii) Terangkan maksud 'konsep', 'konsepsualisasi' dan 'operasionalisasi' dalam konteks penyelidikan dengan memberikan contoh-contoh.
- iv) Apakah yang dimaksudkan dengan persampelan 'rawak mudah', 'sistematik' dan 'rawak berlapis'? Berikan contoh-contoh yang sesuai.
- v) Terangkan apa itu CITAP [*Critical Information and Technology Acquisition Package*] dan apakah kepentingannya kepada penyelidikan KAP?
- vi) Apakah *Key Informant Interview* (KII) dan kenapa temuramah ini digunakan?